



Ruj. Kami : JPBD/P1/S/0033/34 JLD.28 (89)

Tarikh : // Julai 2025

Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang.  
Tingkat 17, KOMTAR,  
**10675 PULAU PINANG.**

Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Seberang Perai,  
Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama,  
Bandar Perda,  
**14000 BUKIT MERTAJAM.**

YBhg. Dato',

**BIL [K128-5/2025]**

**PELAKSANAAN DASAR PEMANGKIN MOMENTUM SEKTOR HARTANAH DAN PEMILIKAN  
RUMAH INKLUSIF MADANI (MADANI OWNERSHIP CAMPAIGN - MOC)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada permohonan di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 5/2025 pada 03 Jun 2025 bersetuju **meluluskan** Pelaksanaan Dasar Pemangkin Momentum Sektor Hartanah Dan Pemilikan Rumah Inklusif Madani (Madani Ownership Campaign - MOC) ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-

- a) Pengecualian penyediaan Laporan Impak Sosial (SIA) Kategori 3 bagi projek pembangunan di Negeri Pulau Pinang seperti berikut: -
  - I) Pembangunan peningkatan densiti di dalam kawasan Pembangunan;
  - II) Pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM);
  - III) Pangsapuri Perkhidmatan;
  - IV) Semua jenis Pembangunan bercampur; dan
  - V) Hospital swasta dengan keluasan tapak melebihi 1 ekar.
- b) Pengecualian jenis-jenis pembangunan ini adalah terpakai bagi semua permohonan seperti berikut:-
  - I) Permohonan baru;
  - II) Permohonan yang telah diluluskan; dan
  - III) Permohonan di dalam proses kelulusan kebenaran merancang di Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan .

- c) Sekiranya Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berpandangan bahawa Laporan Impak Sosial (SIA) bagi projek pembangunan diperlukan, maka pemajuan ini masih tertakluk kepada syarat penyediaan laporan ini.
- d) Pelaksanaan Dasar Pemangkin Momentum Sektor Hartanah Dan Pemilikan Rumah Inklusif Madani (Madani Ownership Campaign - MOC) ini berkuatkuasa mulai 01 Jun 2025 hingga 31 Mei 2026.

3. Keputusan ini disahkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 6/2025 pada 26 Jun 2025.

4. Keputusan bagi perkara (2) ini disampaikan kepada pentadbiran YBhg. Dato' untuk makluman dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' TNr Gs. ROZITA BINTI HAMIT)

Pengarah

Jabatan Perancang Bandar dan Desa

Negeri Pulau Pinang

(PLANMalaysia Pulau Pinang)

Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri

Pulau Pinang.

m\_rozaimi/a\_halim/rohimi/keputusanspc.Bil.5/2025\_sah.Bil.6/2025

s.k. 1. Pengarah  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang,  
Tingkat 16, KOMTAR,  
10000 PULAU PINANG.

2. Pengarah  
Jabatan Perancang Bandar,  
Majlis Bandaraya Seberang Perai,  
Menara Bandaraya,  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,  
14000 BUKIT MERTAJAM.